

PELAKSANAAN TRANSFORMASI PROGRAM PENDIDIKAN ASAS
VOKASIONAL DI SEKOLAH MENENGAH KEMENTERIAN PELAJARAN
MALAYSIA

NOR EFFYZA BTE ROSLAN

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi
sebahagian daripada syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional

Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

JULAI 2013

ABSTRAK

Transformasi Program Pendidikan Asas Vokasional adalah untuk menyediakan peluang kepada murid lepasan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) untuk menjadi modal insan berkemahiran bekerja dan bersedia melanjutkan pembelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Kajian yang dijalankan adalah bertujuan untuk melihat aspek-aspek penting dalam menuju ke arah Transformasi Program Pendidikan Asas Vokasional iaitu kerelevanan kurikulum, penilaian dan pengambilan pelajar. Reka bentuk kajian yang digunakan ialah kaedah kuantitatif berbentuk kajian deskriptif jenis tinjauan sampel yang melibatkan 135 orang tenaga pengajar di 20 buah Sekolah Menengah Kementerian Pelajaran Malaysia yang telah dipilih untuk program Pendidikan Asas Vokasional dan sekolah menengah di Daerah Batu Pahat dengan menggunakan instrumen soal selidik. Hasil dapatan kajian menunjukkan min keseluruhan bagi kurikulum ialah 3.89 iaitu berada pada tahap tinggi. Ini bermaksud kurikulum yang dibangunkan di sekolah PAV ini adalah sangat relevan dan memenuhi hasrat kerajaan iaitu ingin melahirkan pekerja yang mempunyai kemahiran dan memenuhi kehendak pasaran. Manakala min keseluruhan bagi penilaian juga di tahap yang tinggi iaitu 3.95. dan ini bermaksud kaedah penilaian yang digunakan di sekolah PAV seperti tugas projek, portfolio dan ujian amali adalah lebih sesuai dan dapat membantu pelajar untuk lulus serta memudahkan tenaga pengajar untuk menilai prestasi pelajar. Seterusnya, aspek dalam pengambilan pelajar menunjukkan pekali korelasi pada 0.374 iaitu kekuatan korelasi adalah lemah. Ini membuktikan hipotesis null ditolak dan menunjukkan terdapat hubungan antara pengambilan pelajar dengan kurikulum di sekolah PAV. Oleh itu, dikemukakan model pelaksanaan Transformasi Program Pendidikan Asas Vokasional dan beberapa cadangan bagi menjayakan hasrat kerajaan ini.

ABSTRACT

Transformation of Basic Vocational Education (PAV) program is to provide opportunities for graduate students Primary School Achievement Test (UPSR) to become the talent to work and ready to continue learning to a higher level. The study was carried out to see the important aspects in the transformation towards the PAV program of the relevance of curriculum, assessment and intake. The design method used is descriptive quantitative study shaped sample survey involving 135 teachers in 20 secondary schools, the Ministry of Education has been selected for the Basic Vocational Education (PAV) program and secondary school in Batu Pahat District using questionnaires. Results showed an overall mean for the curriculum is 3.89 which is at a high level. This means that developed in the school curriculum PAV is very relevant and meet the government's intention that want to produce workers with the skills and meet market demand. While the overall mean of the assessment is also in high level 3.95. dan means the assessment method used in schools PAV as project assignments, portfolios and practical test is more appropriate and will help students to pass and facilitate instructors to assess student performance. Further, aspects of student recruitment in 0374 shows the correlation coefficient of correlation strength is weak. This proves the null hypothesis is rejected and indicates there is a relationship between the intake of students in the school curriculum PAV. Therefore, the presented model transformation implementation of the PAV Program and some suggestions for the success of the government's intentions.

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
HALAMAN JUDUL	i
HALAMAN PENGAKUAN	ii
HALAMAN DEDIKASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SIMBOL/SINGKATAN/TATANAMA/ISTILAH	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xvi
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Masalah	4
1.3 Pernyataan Masalah	7
1.4 Tujuan Kajian	8
1.5 Objektif Kajian	8
1.6 Persoalan Kajian	8
1.7 Hipotesis Kajian	9
1.8 Kepentingan Kajian	9
1.9 Skop Kajian	11

1.10	Kerangka Konsep Kajian	12
1.11	Definisi Istilah dan Operasional	12
1.11.1	Transformasi	13
1.11.2	Program PAV	13
1.11.3	SKM	14
1.11.4	Kurikulum	14
1.11.5	Penilaian	14
1.11.6	Pengambilan Murid	15
1.12	Rumusan	15
BAB 2 KAJIAN LITERATUR		16
2.1	Pengenalam	16
2.2	Model-model Kajian	16
2.2.1	Model Tyler	17
2.2.2	Model Penilaian Komprehensif (Model KIPP)	18
2.3	Institusi Yang Dikaji	20
2.3.1	Sejarah Pendidikan Teknik dan Vokasional	20
2.3.1.1	Sebelum Perang Dunia Kedua	21
2.3.1.2	Selepas Perang Dunia Kedua	22
2.3.1.3	Penubuhan Sekolah Teknik dan Vokasional dan Pertukangan	23
2.3.1.4	Penubuhan Politeknik di Tanah Melayu	23
2.3.1.5	Penubuhan Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional	24
2.3.1.6	Penubuhan Maktab Perguruan Teknik	25
2.3.2	Kementerian Pelajaran Malaysia	26
2.3.3	Transformasi Pendidikan Vokasional	28
2.3.4	Pendidikan Asas Vokasional	30
2.3.5	Kriteria Pemilihan Sekolah Rintis Program Pendidikan Asas Vokasional	32

2.4	Kajian Terdahulu	33
2.4.1	Kurikulum Pendidikan Asas Vokasional	33
2.4.1.1	Komponen Jati Diri	35
2.4.1.2	Komponen Teknologi Vokasional	36
2.4.1.3	Komponen Kemahiran Vokasional	36
2.4.1.4	Kemahiran Keusahawanan	37
2.4.2	Penilaian	38
2.4.3	Pengambilan Pelajar	39
2.5	Rumusan	40
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN		41
3.1	Pengenalan	41
3.2	Rekabentuk Kajian	42
3.3	Kerangka Operasi Kerja	42
3.4	Lokasi Kajian	44
3.5	Populasi dan Sampel Kajian	45
3.6	Instrumen Kajian	46
3.7	Kesahan dan Kebolehpercayaan	48
3.7.1	Kajian Rintis	48
3.7.2	Kesahan	49
3.7.3	Kebolehpercayaan	50
3.8	Pengumpulan Data	51
3.9	Analisis Data	51
3.10	Jangkaan Dapatan	53
3.11	Rumusan	53
BAB 4 ANALISIS DATA		55
4.1	Pengenalan	55
4.2	Analisis Kajian	56
4.2.1	Demografi Responden	56

4.2.2	Kurikulum	60
4.2.3	Penilaian	62
4.2.4	Pengambilan Pelajar	64
4.3	Rumusan	67
BAB 5 RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN		68
5.1	Ringkasan	68
5.2	Rumusan Kajian	70
5.2.1	Rumusan Analisis Faktor Demografi	70
5.2.2	Rumusan Persoalan Kajian	71
5.3	Perbincangan	72
5.3.1	Kerelevanan Kurikulum Di Sekolah PAV	72
5.3.2	Cara Penilaian Tahap Kebolehan Pelajar Di Sekolah PAV	74
5.3.3	Hubungan Pengambilan Pelajar Dengan Kurikulum Di Sekolah PAV	75
5.4	Model Pelaksanaan Transformasi Program Pendidikan Asas Vokasional	76
5.5	Cadangan	80
5.6	Cadangan Untuk Kajian Lanjutan	81
5.7	Penutup	82
RUJUKAN		83
LAMPIRAN		88

SENARAI JADUAL

2.1	Model Tyler	18
2.2	Sekolah berserta kursus dalam program PAV	32
2.3	Struktur kurikulum dalam PAV	34
3.1	Populasi dan persampelan kajian	45
3.2	Skor pemberatan skala Likert	48
3.3	Tahap kecenderungan keputusan	48
3.4	Interprestasi skor Alpha Cronboach	50
3.5	Kebolehpercayaan kajian rintis terhadap borang soal selidik	50
3.6	Pemilihan kaedah analisis data berdasarkan persoalan kajian	52
3.7	Kekuatan nilai korelasi	53
4.1	Bilangan dan peratusan responden mengikut jantina	56
4.2	Bilangan dan peratusan responden mengikut umur	57
4.3	Bilangan dan peratusan responden mengikut pengalaman bekerja sebagai guru	58
4.4	Bilangan dan peratusan responden mengikut bidang yang diajar	58
4.5	Bilangan dan peratusan responden mengikut sekolah	59
4.6	Analisis min dan sisihan piawai bagi item kurikulum	61
4.7	Ringkasan peratus dan tahap kurikulum di sekolah PAV	62
4.8	Analisis min dan sisihan piawai bagi item penilaian	63
4.9	Ringkasan peratus dan tahap penilaian di sekolah PAV	64
4.10	Analisis min dan sisihan piawai bagi item pengambilan pelajar	65
4.11	Ringkasan peratus dan tahap pengambilan pelajar di	

	sekolah PAV	65
4.12	Korelasi hubungan antara pengambilan pelajar dengan kurikulum di sekolah PAV	66

SENARAI RAJAH

1.1	Purata UPSR(2006-2010)	5
1.2	Peratus pelajar mengikuti Pendidikan Vokasional di peringkat menengah atas	6
1.3	Kerangka konsep kajian	12
2.1	Model Penilaian Komprehensif (Model KIPP)	20
2.2	NKPI Kementerian Pelajaran Malaysia untuk pengambilan pelajar di Sek.Men. Teknik/Vokasional dan Sek. Men. Keb. bagi Aliran Vokasional dan Mata Pelajaran Vokasional dari tahun 2010-2015.	28
2.3	Kerangka konsep PAV	31
3.1	Kerangka operasi kajian	43
5.1	Model Pelaksanaan Transformasi Program Pendidikan Asas Vokasional	77
5.2	Konsep Penilaian	79

SENARAI SIMBOL/SINGKATAN/TATANAMA/ISTILAH

BPTV	- Bahagian Pendidikan Teknikal dan Vokasional
FPG	- Falsafah Pendidikan Guru
FPK	- Falsafah Pendidikan Kebangsaan
IPG	- Institut Pendidikan Guru
IPT	- Institut Pengajian Tinggi
IPTKL	- Institut Perguruan Teknik Kuala Lumpur
JPK	- Jabatan Pembangunan Kemahiran
JPPKK	- Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti
JPTek	- Jabatan Pendidikan Teknikal
KHB	- Kemahiran Hidup Bersepadu
KIPP	- Konteks Input Proses Produk
KPM	- Kementerian Pelajaran Malaysia
KPTM	- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia
MPT	- Maktab Perguruan Teknik
MPV	- Matapelajaran Vokasional
NKPI	- National Key Performance Indicator
NKRA	- National Key Result Area
NOSS	- National Occupational Skills Standard
PAV	- Pendidikan Asas Vokasional
PTV	- Pendidikan Teknik dan Vokasional
PV	- Pendidikan Vokasional
P&P	- Pengajaran dan Pembelajaran
SKM	- Sijil Kemahiran Malaysia
SMK	- Sekolah Menengah Kebangsaan
SMT	- Sekolah Menengah Teknik

SMV	- Sekolah Menengah Vokasional
SPPK	- Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan
SPSS	- Statistical Package for the Social Science
TMK	- Teknologi Malumat dan Komunikasi
UPSR	- Ujian Pencapaian Sekolah Rendah

SENARAI LAMPIRAN

- A CARTA GANTT
- B BORANG PENGESAHAN PAKAR
- C SURAT KEBENARAN FAKULTI
- D SURAT KEBENARAN KPM
- E BORANG SOAL SELIDIK
- F ANALISIS DATA

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Perkembangan pertumbuhan ekonomi Malaysia telah mencatatkan kadar pertumbuhan yang tinggi setiap tahun. Secara tidak langsung, meningkatkan permintaan tenaga manusia khususnya tenaga kerja profesional, mahir dan separa mahir. Ini secara tidak langsung memberikan cabaran yang besar kepada sistem pendidikan negara terutamanya pendidikan teknik dan vokasional dalam membekalkan tenaga kerja yang berkebolehan serta mahir (Nurul Nadya et.al, 2011).

Pendidikan teknik dan vokasional (PTV) adalah terdiri daripada dua komponen yang berbeza. Komponen yang terkandung di dalam PTV adalah pendidikan teknikal (teknik) dan pendidikan vokasional. Pendidikan teknik adalah pendidikan sebarang bentuk pelajaran yang berbentuk persediaan praktikal, teori di semua peringkat dalam pelbagai bidang penghasilan dan perkhidmatan manakala pendidikan vokasional adalah sebahagian daripada pelajaran teknik yang direka khas untuk menyediakan pelajar untuk sesuatu bidang pekerjaan (Wan Zulhairi et.al, 2011).

Sistem Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) merupakan salah satu aliran yang diiktiraf atau dikenali sebagai satu sistem yang berperanan untuk membentuk individu yang mempunyai kemahiran teknikal yang tinggi seperti yang diinginkan oleh industri pada masa kini. Ia juga adalah merupakan satu langkah untuk menyokong dan mempergiatkan lagi usaha kerajaan bagi memajukan bidang ekonomi dan

perindustrian berasaskan pengetahuan teknik dan vokasional. Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) merupakan satu sistem pendidikan yang menyediakan latihan khusus untuk kemahiran-kemahiran teknikal dan beberapa kemahiran yang lain. Pendidikan yang mencukupi perlu diberikan kepada golongan muda untuk menghasilkan tenaga sumber manusia yang berpengetahuan dan mahir dalam bidang kejuruteraan (Lis Christopher et.al, 2011 ; Yahya Buntat et.al, 2008).

Transformasi pendidikan vokasional adalah merupakan salah satu komponen Bidang Keberhasilan Utama Kementerian Pelajaran (NKRA). Oleh itu, untuk mengurusperdanakan pendidikan vokasional, kurikulum aliran tersebut telah dirombak dan diperkukuhkan supaya mencapai piawai yang memenuhi keperluan pekerjaan dan kehendak pasaran semasa. Justeru bagi mencapai matlamat tersebut satu transformasi dalam pendidikan vokasional telah diwujudkan (Dewan Rakyat, November 2011).

Pelbagai strategi telah diatur bagi memastikan transformasi pendidikan vokasional ini mencapai objektifnya. Strategi yang pertama ialah dengan menyediakan kurikulum pendidikan vokasional berasaskan industri iaitu dengan melaksanakan kurikulum Program Pendidikan Asas Vokasional dan Kolej Vokasional. Strategi kedua pula ialah pembangunan institusi pendidikan vokasional bagi melahirkan modal insan berkemahiran dalam transformasi pendidikan vokasional. Strategi yang seterusnya ialah dengan mempergiatkan usaha kolaborasi dengan rakan strategik bagi perluas akses, jamin kualiti dan tingkat kebolehpekerjaan iaitu melalui kolaborasi dengan industri. Manakala strategi yang keempat pula ialah menyediakan mekanisme pentaksiran menjurus kepada pentauliahan dan pengiktirafan yang berasaskan kepada piawai kompetensi vokasional. Seterusnya ialah dengan memastikan lepasan pendidikan vokasional mendapat pengiktirafan dan artikulasi latihan dan pengajian lanjutan. Tindakan yang perlu dilakukan untuk memastikan strategi ini dilaksanakan ialah dengan menubuhkan Agen Kelayakan Vokasional Malaysia. Strategi yang terakhir dalam transformasi pendidikan vokasional ini ialah dengan mempertingkatkan daya upaya organisasi pendidikan vokasional Kementerian Pelajaran Malaysia. Strategi ini akan dilaksanakan dengan mewujudkan Sektor Pendidikan Teknik dan Vokasional, memperkasakan sumber manusia pendidikan vokasional menerusi latihan dan penambahbaikan skim perkhidmatan (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012).

Tahun 2012 merupakan tahun bagi permulaan Program Rintis Pendidikan Asas Vokasional (PAV) yang akan membabitkan 15 sekolah menengah harian Kementerian Pelajaran Malaysia. Bilangan pelajar yang terbabit dianggarkan seramai 450 orang yang dipilih berdasarkan penilaian psikometrik semasa di sekolah rendah. Pendidikan Asas Vokasional ini akan menggantikan matapelajaran vokasional (MPV) yang sedang diajar di sekolah harian dan ia adalah sejajar dengan proses transformasi pengajian teknik dan vokasional. Pendidikan Asas Vokasional ini juga memberi peluang kepada pelajar yang kurang cemerlang dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) tetapi berminat untuk menyambung sesi persekolahan dalam bidang vokasional. Kurikulum pada sistem pendidikan di negara kini lebih berorientasikan peperiksaan sedangkan tidak semua pelajar cenderung ke arah itu sebaliknya berminat kepada kemahiran. Justeru, Timbalan Menteri Pelajaran pada tahun 2012 iaitu Dato' Dr. Mohd Puad Zarkashi mengatakan Pendidikan Asas Vokasional dirangka adalah untuk pelajar menengah rendah yang berusia 13 hingga 15 tahun dengan mekanisme pemilihan pelajar masih di peringkat kajian terperinci. Program ini akan mendedahkan pelajar kepada bidang kemahiran yang juga asas vokasional pada usia yang lebih muda, seterusnya akan melayakan mereka memperolehi Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) tahap satu dan dua sebaik sahaja menamatkan Tingkatan Tiga kelak. Enam bulan pertama sesi persekolahan, pelajar Tingkatan Satu akan didedahkan dengan pengurusan diri, asas kemahiran selain diperkenalkan dengan bengkel serta peralatan yang akan digunakan kelak. Pembelajaran yang akan dijalankan adalah secara *hands on* sepenuhnya selaras dengan hasrat kerajaan untuk melahirkan lebih ramai tenaga muda yang berkemahiran tinggi pada masa akan datang (Noor Azlina, 2012).


Pelajar Tingkatan Satu akan diajar enam bidang asas vokasional antaranya ialah kejuruteraan, pertanian dan ekonomi rumahtangga, manakala pengkhususan akan dibuat oleh pelajar apabila berada di Tingkatan Dua. Silibus untuk program ini turut membabitkan beberapa mata pelajaran teras selain diterapkan komponen jati diri, keusahawanan dan penyertaan dalam aktiviti ko-kurikulum. Seterusnya pelajar bagi lulusan Pendidikan Asas Vokasional ini sewajarnya meneruskan pengajian di kolej vokasional dan ia adalah matlamat transformasi pendidikan teknik dan vokasional walaupun mereka mempunyai pilihan untuk kembali meneruskan pengajian dalam aliran sekolah biasa (BERNAMA, 2011).

Halatuju transformasi pendidikan vokasional adalah untuk mewujudkan pekerja mahir yang bertauliah, pelajar sepanjang hayat, ekonomi pendapatan tinggi, usahawan berdaya saing dan modal insan berjati diri. Sasaran negara adalah ingin mendapatkan 1.3 juta pekerja mahir menjelang tahun 2020 akan dapat direalisasikan jika transformasi ini dapat dilaksanakan (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012).

1.2 Latar Belakang Masalah

Pendidikan teknik dan vokasional merupakan antara salah satu alternatif dalam sistem pendidikan di negara kita. Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) bermaksud pendidikan untuk membentuk kemahiran, kebolehan, kefahaman, sikap, tabiat bekerja dan nilai dalam individu untuknya memasuki dan seterusnya memajukan diri dalam sesuatu bidang pekerjaan. Ini dapat menerangkan bahawa PTV bukan sahaja menerapkan kemahiran teknikal namun kemahiran lain yang perlu bagi membentuk pelajar yang lebih berkualiti. Asas kepada pelaksanaan sistem PTV ini adalah pendidikan sepanjang hayat di mana sistem ini juga dapat memenuhi hasrat kerajaan untuk mengeluarkan tenaga kerja separuh mahir yang memenuhi rancangan pembangunan perindustrian Negara Kurikulum masa depan seharusnya ke arah membebaskan individu daripada kongkongan mata pelajaran sebagai sumber ilmu utama, serta melengkapkan diri dengan kemahiran kognitif, interpersonal dan kecekapan yang tinggi (Ahmad Johari dan Jawi, 2011).

Kajian terhadap pencapaian pelajar sekolah rendah melalui Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) dari tahun 2006-2010 telah menunjukkan bahawa purata 15,571 orang murid (3.117%) mendapat keputusan D dan E. Justeru kemungkinan besar pelajar ini akan tercicir dalam sistem pendidikan di negara kita. Kajian ini dapat membantu pelajar yang kurang cemerlang dalam akademik untuk menyambung sesi persekolahan dalam bidang kemahiran seperti Pendidikan Asas Vokasional. Rajah 1.1 menunjukkan purata pencapaian UPSR dari tahun 2006 hingga 2010 (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2011).



Rajah 1.1: Purata UPSR (2006-2010)

(Sumber: KPM, 2011)


Matlamat pelaksanaan Pendidikan Asas Vokasional yang telah digariskan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (2011) ialah untuk menyediakan peluang kepada murid lepasan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) untuk menjadi modal insan berkemahiran bekerja dan bersedia melanjutkan pembelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Dalam pada itu, jika ditinjau objektif Pendidikan Asas Vokasional secara umum adalah untuk mencegah keciciran murid pada peringkat rendah dan menengah rendah yang disebabkan oleh pelbagai punca. Objektif khusus PAV adalah seperti berikut:

- i. Menjadi aliran pendidikan pilihan selain aliran perdana sedia ada, sesuai dengan murid berisiko untuk tercicir, serta boleh menimbulkan minat belajar secara *hands-on* yang berterusan.
- ii. Menggilap potensi keupayaan belajar murid melalui kurikulum yang dapat memberikan kemahiran generik asas dan kemahiran spesifik pekerjaan yang dituntut oleh majikan dan industri.
- iii. Menanam kemahiran yang menjadi asas kepada pembentukan sahsiah dan pembangunan karakter yang mantap supaya murid dapat menyediakan diri dengan pengetahuan dan kemahiran pekerjaan.
- iv. Memberi pendedahan dan bimbingan kepada murid untuk menjadikan mereka kritis, kreatif dan inovatif serta boleh membuat keputusan dalam mencorakkan masa depan.

- v. Menerap dan mengembangkan kompetensi keusahawanan serta menjana budaya niaga.

Objektif pelaksanaan PAV yang telah digariskan ini adalah selari dengan kehendak negara yang sangat memerlukan pekerja-pekerja profesional, mahir dan separa mahir dalam bidang-bidang teknologi.

Transformasi bagi mencapai status negara yang maju tahun 2020, satu kajian telah dijalankan untuk membandingkan pelajar yang cenderung dalam bidang pendidikan teknik dan vokasional di setiap negara dan didapati bahawa 78% murid di Austria telah mengikuti Pendidikan Vokasional di peringkat menengah atas. Ini membuktikan bahawa pendidikan vokasional adalah penting untuk melahirkan tenaga kerja yang mahir dan seterusnya dapat membentuk negara yang maju. Rajah 1.2 menunjukkan peratusan pelajar yang mengikuti Pendidikan Vokasional di peringkat menengah atas.



Rajah 1.2 : Peratus pelajar mengikuti Pendidikan Vokasional di peringkat menengah atas.

(Sumber: KPM, 2011)

Selain itu, satu analisa pendidikan vokasional di Asia dan Eropah telah dijalankan dan didapati bahawa pendidikan vokasional diurusperdanakan bermula di sekolah, di mana kebanyakan negara Eropah telah mencatatkan melebihi 60% dan

negara Asia yang terlibat seperti China, Thailand dan Indonesia. Pendidikan vokasional di sekolah melibatkan *On-Job Training* dan sekolah menghasilkan tenaga kerja kepada industri telah dilaksanakan di semua negara Asia dan Eropah. Selain itu, Pendidikan vokasional di sekolah telah menggunakan sistem semester di semua negara, manakala hanya beberapa negara Asia seperti China dan Singapura telah memperkenalkan pendidikan vokasional di peringkat menengah rendah. Pendidikan vokasional lebih mementingkan kemahiran dengan nisbah komponen vokasional berbanding akademik adalah tinggi iaitu sebanyak 70:30 (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2011).

1.3 Pernyataan Masalah

Halatuju transformasi program Pendidikan Asas Vokasional (PAV) ini adalah untuk memberi peluang kepada pelajar lepasan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) yang memperolehi keputusan kurang cemerlang dari segi akademik tetapi berminat untuk menyambung sesi persekolahan dalam bidang vokasional. PAV ini menawarkan kelulusan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) pada tahap satu dan dua apabila menamatkan pembelajaran di Tingkatan Tiga dan seterusnya boleh menyambung sesi persekolahan di Kolej Vokasional yang akan ditubuhkan kelak. Program ini masih dalam kajian dan merupakan program rintis iaitu bertepatan dengan hasrat kerajaan untuk melahirkan lebih ramai tenaga muda yang mempunyai kemahiran yang tinggi (Noor Azlina, 2012).

Oleh itu, persoalan tentang kerelevanan kurikulum dan program pengajian yang disediakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia bersesuaian dan memenuhi keperluan pasaran industri menjadi satu isu. Pembelajaran yang dijalankan adalah secara *hands-on* sepenuhnya. Justeru persoalan mengenai cara penilaian tahap kebolehan pelajar harus dikaji supaya PAV dapat melahirkan pelajar yang berkualiti dari segi kemahiran. Selain itu, persoalan mengenai pengambilan murid terhadap program di sekolah PAV juga harus dikaji supaya tidak mendatangkan sebarang permasalahan pada masa akan datang. Faktor-faktor ini dikaji adalah bertujuan supaya permasalahan yang mungkin timbul dapat diatasi apabila ia dilaksanakan sepenuhnya pada tahun 2013 nanti. Justeru penyelidik dapat membantu dalam

melaksanakan transformasi pendidikan vokasional iaitu Program Pendidikan Asas Vokasional di negara ini.

1.4 Tujuan Kajian

Selaras dengan pernyataan masalah yang dinyatakan di atas, maka kajian ini adalah bertujuan untuk mengkaji Pelaksanaan Transformasi Program Pendidikan Asas Vokasional di Sekolah Menengah Kementerian Pelajaran Malaysia.

1.5 Objektif Kajian

Di antara objektif utama kajian ini dijalankan ialah:

- i. Menentukan tahap kerelevanan kurikulum di sekolah yang mempunyai program PAV.
- ii. Mengenalpasti cara penilaian tahap kebolehan pelajar terhadap kurikulum PAV.
- iii. Mengenalpasti hubungan antara pengambilan pelajar dengan kurikulum di sekolah PAV.

1.6 Persoalan Kajian

Berdasarkan kepada pernyataan masalah, pengkaji memfokuskan kepada beberapa persoalan kajian iaitu:

- i. Apakah tahap kerelevanan kurikulum di sekolah yang mempunyai program PAV?
- ii. Bagaimanakah cara penilaian tahap kebolehan pelajar terhadap kurikulum PAV?

- iii. Adakah terdapat hubungan pengambilan pelajar dengan kurikulum di sekolah PAV?

1.7 Hipotesis Kajian

Dalam kajian ini, penyelidik mempunyai beberapa hipotesis untuk dikaji. Hipotesis yang dibina adalah untuk menjawab persoalan kajian 3. Hipotesis Ho dan Ha bagi kajian ini adalah seperti berikut:

Ho: Tidak terdapat hubungan antara pengambilan pelajar dengan kurikulum di sekolah PAV.

Ha: Terdapat hubungan antara pengambilan pelajar dengan kurikulum di sekolah PAV.

1.8 Kepentingan Kajian

Kajian ini ialah untuk mengkaji permasalahan yang timbul dari segi kekuatan dan kelemahan yang mungkin timbul apabila ianya dilaksanakan sepenuhnya pada tahun 2013. Kajian ini diharapkan dapat mendatangkan manfaat dan kepentingan serta memberi rujukan kepada semua yang terlibat dalam bidang pendidikan samada pelajar, tenaga pengajar dan Kementerian Pelajaran Malaysia dalam menghadapi cabaran bagi melaksanakan program transformasi Pendidikan Asas Vokasional ini sekaligus dapat melonjakan martabat Pendidikan Teknik dan Vokasional.

Sesungguhnya, kajian transformasi ini akan memberi garis panduan dalam mengangkat martabat pendidikan vokasional untuk menjadi pilihan pelajar bagi meneruskan sesi persekolahan ke peringkat menengah dan ini memberi peranan baru kepada program PAV. Untuk itu, usaha kajian transformasi ini memerlukan usaha yang gigih dari semua pihak yang terlibat bagi memastikan objektifnya tercapai. Sehubungan itu, transformasi yang dilaksanakan memerlukan pelan tindakan yang strategik dan tugas ini harus dipikul oleh tenaga pengajar dan pihak sekolah dan

diharap dapat membantu pihak sekolah menengah yang terlibat dengan program PAV ini dalam melaksanakan kurikulum dan program yang disediakan.

Dalam menghasilkan pelajar yang berkualiti dalam bidang vokasional, kajian yang terperinci tentang elemen-elemen penting seperti kerelevanan kurikulum dan program, cara penilaian dan faktor-faktor pengambilan murid untuk program PAV perlu diambilkira bagi mencapai halatuju transformasi pendidikan vokasional atau melanjutkan sesi persekolahan ke kolej vokasional selepas tamat tingkatan tiga. Diharap dapat membantu pihak sekolah dan Kementerian Pelajaran Malaysia mengenal pasti faktor-faktor yang mungkin menjadi satu permasalahan dan boleh diaplikasikan kepada para pelajar bagi merangsang pelajarnya untuk terus meningkatkan keterampilan dan hubung kaitnya dengan keperluan kemahiran terkini dalam sektor pekerjaan, sekali gus mempunyai kemampuan untuk memberi sumbangan yang lebih bermakna dalam penjaan tenaga pekerja yang diperlukan oleh sektor industri negara. Ia juga mampu melahirkan modal insan yang mampu membangunkan perusahaan sendiri. Inilah tekad transformasi pendidikan vokasional dalam mendukung dan merealisasikan hasrat untuk mencapai status negara maju menjelang tahun 2020.

Impak transformasi program PAV kepada pelajar ialah pelajar dapat menyiapkan dan memperbaiki diri mereka supaya mempunyai elemen-elemen yang dikehendaki bagi memenuhi kehendak yang diperlukan oleh pihak industri pada masa kini. Selain itu, ia memberi gambaran kepada pelajar tentang kepentingan kemahiran vokasional dalam menempuhi alam pekerjaan. Dengan ini, pelajar akan mengetahui kepentingan kemahiran vokasional yang membolehkan mereka bersaing dalam menempuhi alam pekerjaan kelak.

Transformasi ini juga dapat memberi kepentingan kepada tenaga pengajar dalam melaksanakan program PAV. Kajian ini secara tidak langsung membantu tenaga pengajar dalam menerapkan nilai-nilai kemahiran yang diperlukan oleh pelajar dalam usaha melahirkan pelajar yang berketerampilan dari pelbagai aspek. Tenaga pengajar juga dapat melihat kekuatan dan kelemahan setiap aspek-aspek yang dikaji melalui keberkesanan proses penilaian bagi program PAV ini. Tenaga pengajar yang bukan berlatarbelakang ikhtisas dapat menilai pencapaian mereka dan sekiranya perlu mereka boleh menambahbaik kaedah dan perancangan pengajaran supaya lebih berkesan.

Dengan adanya kajian ini, pihak sekolah akan dapat mengetahui tahap kompetensi pekerjaan yang dimiliki oleh pelajarnya, seterusnya pihak sekolah dapat mengadakan kursus-kursus dan program yang menerapkan elemen yang diperlukan oleh industri bersesuaian dalam memenuhi tahap-tahap Sijil Kemahiran Malaysia. Kajian ini juga dapat memberi idea dan gambaran kepada pihak sekolah dalam merancang keperluan dari segi penerapan elemen-elemen kemahiran teknikal dalam kurikulum dan aktiviti di kalangan pelajar. Dengan ini, kemahiran teknikal akan dapat diterapkan dalam kalangan pelajar. Selain itu, ia juga dapat memberi pengetahuan kepada pihak sekolah tentang faktor-faktor yang boleh mendorong pelajar mengambil bidang kursus yang ditawarkan.

Kajian ini berkepentingan juga kepada Kementerian Pelajaran Malaysia iaitu dapat merancang program yang tersusun dalam meningkatkan jumlah kemasukan pelajar dalam aliran vokasional. Ia juga dapat membantu pihak kementerian dalam menentukan kemahiran teknikal yang digunakan di sekolah yang menyediakan program PAV bersesuaian dengan kesediaan pelajar. Hal ini kerana hasil daripada kajian ini dapat menggambarkan kesediaan pelajar yang mengikuti program PAV secara umumnya dari aspek minat, kemahiran vokasional dan pengetahuan sedia ada pelajar.


Secara keseluruhannya, diharap hasil kajian ini nanti dapat membantu dalam merekabentuk kurikulum program PAV dan kebolehpasaran pelajar ini dapat membantu semua pihak yang terlibat sama ada secara tidak langsung atau tidak.

1.9 Skop Kajian

Skop kajian yang dilakukan ini menekankan kepada kerelevanan kurikulum, cara penilaian tahap kebolehan pelajar dan hubungan pengambilan pelajar dengan kurikulum di sekolah PAV.

1.10 Kerangka Konsep Kajian

Kerangka konsep kajian pada Rajah 1.3 menunjukkan permasalahan yang mungkin timbul apabila ianya dilaksanakan sepenuhnya pada tahun 2013. Oleh itu tiga pemboleh ubah tidak bersandar telah dikenalpasti dalam konteks Program Pendidikan Asas Vokasional di Malaysia iaitu: (i) Kurikulum, (ii) Penilaian dan (iii) Pengambilan murid. Manakala, pemboleh ubah bersandar adalah hasil kepada Pelaksanaan Program Pendidikan Asas Vokasional



Rajah 1.3: Kerangka konsep kajian

(Sumber: KPM, 2012)

1.11 Definisi Istilah Dan Operasional

Berikut disenaraikan definisi istilah dan operasional terhadap beberapa perkara penting untuk memudahkan pembaca memahami perkataan yang digunakan dalam kajian ini.

1.11.1 Transformasi

Perkataan transformasi yang digunakan dalam pendidikan vokasional bermaksud perubahan yang diperlukan tidak lain tidak bukan untuk menyediakan tenaga kerja terlatih yang berkemahiran bagi memenuhi keperluan negara untuk memasuki pasaran pekerjaan (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012).

Dalam kajian ini, transformasi membawa maksud perubahan bentuk kurikulum dalam bidang teknik dan vokasional bagi pelajar Tingkatan 1 hingga Tingkatan 3 di Sekolah Menengah Kementerian Pelajaran Malaysia yang dipilih untuk mengikuti program PAV.

1.11.2 Program PAV

Program Pendidikan Asas Vokasional merupakan program pendidikan untuk semua dan mengurangkan kadar keciciran murid. Ia juga memberi pilihan kepada murid yang cenderung kepada bidang vokasional dan memberi pendedahan awal latihan vokasional kepada murid. Program ini merupakan laluan kerjaya yang pintas selain mempunyai sijil yang diperakui oleh kerajaan dan industri pada usia lebih awal. Murid juga berpeluang menimba kemahiran dan pengalaman sebelum ke alam pekerjaan dan menyokong pembelajaran sepanjang hayat. Program PAV ini akan menghasilkan lebih ramai tenaga mahir bagi merapatkan jurang pekerjaan untuk keperluan negara (Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional, 2012).

Dalam kajian ini, program PAV merupakan transformasi pendidikan teknik dan vokasional yang sedang diajar di sekolah menengah akademik harian yang menyediakan matapelajaran pendidikan vokasional.

1.11.3 SKM

SKM adalah singkatan kepada Sijil Kemahiran Malaysia. Ia merupakan sijil yang dikeluarkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) di bawah Kementerian Sumber Manusia (Jabatan Pembangunan Kemahiran, 2012).

Dalam kajian ini, SKM merupakan sijil yang akan diterima oleh pelajar yang mengikuti program PAV apabila tamat Tingkatan 3 dengan memperolehi sijil SKM pada tahap satu dan dua.

1.11.4 Kurikulum

Kurikulum merujuk kepada segala rancangan pendidikan yang dikendalikan oleh sesebuah institusi pendidikan untuk mencapai matlamat pendidikan. Rancangan tersebut meliputi segala ilmu pengetahuan serta kemahiran, nilai-nilai dan norma serta unsur-unsur lain tetapi yang menjadi kandungan utamanya ialah ilmu (KPTM, 2005)

Dalam kajian ini, kurikulum merupakan aspek yang dikaji di mana program PAV mengandungi empat jenis komponen iaitu jati diri, kemahiran vokasional, teknologi vokasional dan kemahiran keusahawanan.

1.11.5 Penilaian

Penilaian ialah satu proses sistematik untuk menentukan sejauh mana objektif pengajaran telah dicapai oleh para pelajar. Suatu proses mentaksir sama ada kuantiti sesuatu yang diukur itu boleh diterima atau tidak. Melibatkan pengenalan, pemerolehan dan pentafsiran maklumat yang berguna bagi pertimbangan pilihan-pilihan keputusan berasaskan kepada sesuatu objektif pendidikan. Penilaian adalah satu proses berterusan untuk menentukan kaedah yang disyorkan digunakan dalam

pengajaran oleh guru-guru dan di samping itu penyelia boleh memberi bimbingan dan panduan kepada mereka untuk mengatasi kekurangan yang wujud (Azizi, 2001).

Dalam kajian ini, penilaian alternatif digunakan untuk mengukur tahap kebolehan pelajar yang mengikuti program PAV.

1.11.6 Pengambilan Pelajar

Pengambilan pelajar bagi program PAV ini diberi keutamaan kepada pelajar yang lemah akademik tetapi berminat untuk menyambung sesi persekolahan dalam bidang vokasional (BERNAMA, 2011).

Dalam kajian ini, aspek pengambilan pelajar diambilkira untuk mengikuti program PAV dan pelajar yang mempunyai masalah disiplin tidak digalakkan untuk memilih program PAV ini.

1.12 Rumusan

Bab ini telah menjelaskan pengenalan secara keseluruhan terhadap kajian yang dijalankan. Antaranya termasuklah latar belakang masalah yang dihadapi dalam bidang yang dikaji. Terdapat tiga objektif yang perlu dicapai dalam kajian dan persoalan kajian telah dibentuk sebagai panduan yang menjadi landasan dalam melaksanakan kajian ini. Kepentingan kajian, skop, batasan kajian serta definisi istilah juga turut dinyatakan.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Bab ini memfokus kepada beberapa sub tajuk yang berkaitan dengan kajian ini. Kajian literatur ataupun sorotan kajian amat penting dalam sesuatu kajian. Chua (2006), menyatakan bahawa kajian literatur adalah dengan membuat rujukan secara kritikal dan sistematik ke atas dokumen-dokumen yang mengandungi maklumat, idea, data dan kaedah memperoleh maklumat, yang berkaitan dengan tajuk kajian yang akan dilaksanakan.

Tujuan bab ini adalah untuk mengetahui lebih mendalam tentang kajian yang akan dilakukan ini dan sebagai panduan kepada pengkaji yang melakukan kajian ini. Penyelidik membuat rujukan ke atas dokumen-dokumen yang mengandungi maklumat, idea, data dan kaedah memperoleh maklumat yang berkaitan dengan tajuk Pelaksanaan Transformasi Program Pendidikan Asas Vokasional di Sekolah Menengah Kementerian Pelajaran Malaysia.

2.2 Model-Model Kajian

Kajian ini menggunakan beberapa model kajian antaranya Model Tyler dan Model Penilaian Komprehensif

2.2.1 Model Tyler

Dalam tahun 1949 Tyler telah menyarankan idea yang berkaitan dengan pembangunan kurikulum. Hasil kerja beliau telah menjadi asas kepada kebanyakan kurikulum di dunia. Walaupun agak lama idea itu dikemukakan, ia nampaknya masih relevan. Menurut beliau, kurikulum ialah segala pembelajaran yang diarah, dirancang, dikelola dan dilaksanakan oleh pihak sekolah untuk mencapai matlamat pendidikan yang ditentukan. Kurikulum merangkumi objektif pendidikan, segala pengalaman yang dirancang dan penilaian pelajar. Ia juga menegaskan penggunaan objektif dalam perkembangan kurikulum dan pendidikan dianggap alat untuk mencapai suatu tujuan. Pendapat beliau berkisar kepada empat pertimbangan dalam pembangunan kurikulum iaitu:

- i. Matlamat dan objektif kurikulum
- ii. Pengalaman pembelajaran yang dikaitkan dengan pencapaian matlamat dan objektif
- iii. Aspek pentaksiran dan penilaian pembelajaran, dan
- iv. Bagaimana aktiviti-aktiviti pembelajaran disusun atur

Model Tyler lebih tertumpu kepada hasil kepada proses pendidikan dan dengan itu tergolong dalam model produk. Sebaliknya model proses lebih ke arah kepada kualiti bagaimana proses pendidikan dikendalikan. Kekuatan model Tyler terletak pada kejelasan hala tuju pendidikan. Ini dapat dilihat pada matlamat dan objektif pembelajaran yang ditentukan. Seterusnya diikuti dengan langkah-langkah konkrit untuk membawa pelajar ke arah pembelajaran. Pada waktu yang sama, model ini membawa idea kepada pemeringkatan pelajar dan dengan itu seharusnya pengalaman pembelajaran perlulah disediakan menurut kesesuaian pelajar. Model Tyler adalah “*ends-means model*” kerana pengajaran (*ends*) perlu terlebih dahulu sebelum kaedah pengajaran (*means*) (IPG, 2011). Jadual 2.1 menunjukkan Model Tyler.

Jadual 2.1 : Model Tyler

Komponen	Perincian
Objektif (apa tujuan)	Tujuan pendidikan merujuk kepada objektif / hasil pembelajaran berdasarkan keperluan pelajar.
Kandungan (apa jenis pengalaman untuk dicapai oleh tujuan pendidikan)	Pengalaman pendidikan seharusnya : spesifik, eksplisit, boleh diukur dan berlandaskan FPK & FPG. Ia berdasarkan pengetahuan sedia ada pelajar.
Pengurusan (bagaimana pengalaman boleh diurus dengan berkesan)	Pemilihan isi kandungan dan aktiviti yang seiring dengan tujuan pendidikan.
Penilaian (bagaimana pencapaian objektif dapat ditentukan)	Pertimbangan dari segi bentuk (formatif/ sumatif), model penilaian yang digunakan dan jenis instrumen utk mengutip data (temubual, pemerhatian, ujian).

(Sumber : IPG, 2011)

2.2.2 Model Penilaian Komprehensif (Model KIPP)

Model KIPP mulai dibentuk pada lewat 60-an untuk memenuhi kehendak penilaian yang berorientasikan objektif. Model ini dikemukakan oleh Stufflebeam pada tahun 1971. Model KIPP digunakan di makmal Austin Texas dan mulai digunakan sepenuhnya di Dallas. Dalam konsep penilaian yang dikemukakan oleh Stufflebeam menyatakan bahawa penilaian seharusnya menjadi "sains pengumpulan maklumat untuk membuat keputusan". Tugas para penilai ialah mengumpul data, merancang, menganalisis menyediakan maklumat untuk memilih tindakan alternatif dan melaporkan. Menurut beliau, tindakan boleh dibuat dalam empat bahagian iaitu keputusan mengenai persekitaran (konteks), keputusan mengenai sumber (*input*), keputusan mengenai pelaksanaan (proses) dan keputusan mengenai hasil (produk). Modelnya juga dikenali sebagai model Konteks-Input-Proses-Produk (KIPP).

Tujuan utama penilaian ini ialah untuk mengaitkan matlamat, konteks, *input* dan proses dengan hasil program. Tujuan penilaian ini juga untuk menentukan kesesuaian persekitaran dalam membantu pencapaian matlamat dan objektif program. Di samping itu juga penilaian ini dibuat untuk memperbaiki sesuatu program dan bukan menjurus untuk membuktikan akan sesuatu kebenaran. Model ini bertujuan untuk menggalakkan pertumbuhan dan menolong pemimpin yang bertanggungjawab dan menggunakan maklumat dan sebarang sumber yang ada untuk memperbaiki perjalanan sesuatu program. Penilaian model ini dijalankan semasa sesuatu program sedang berjalan dan ia lebih menekankan keberkesanan dan pengawalan kualiti. Penilaian konteks cuba menilai syarat-syarat awal dan keperluan yang dalam situasi. Ia menimbulkan isu-isu, mendedahkan masalah-masalah dan menentukan had-had untuk membuat program (Azila et. al, 2012).

Tujuan utama penilaian ini ialah untuk mengukur, menterjemahkan, dan mengesahkan perjalanan sesuatu program. Tujuan penilaian ini ialah untuk mengenal pasti kekuatan dan kelemahan beberapa objek seperti institusi, program itu, sasaran populasi/individu dan juga untuk menyediakan sesuatu satu garis panduan untuk perubahan. Keputusan yang diperoleh nanti merupakan asas untuk memperbaiki matlamat yang sedia wujud dan menentukan sesuatu perubahan.

Penilaian input mengukur keupayaan sistem dan input-input dari segi strategi dan sumber. Penilaian ini digunakan untuk membuat penyusunan keputusan dan menjadi panduan untuk memilih strategi program dan perubahan-perubahan yang hendak dibuat. Perkara-perkara yang ditekankan ialah:


- i. Perancangan sesuatu prosedur dan perbelanjaan yang digunakan untuk memenuhi sesuatu kehendak.
- ii. Tahap penggunaan yang boleh diterima dan ada potensi untuk berjaya dalam memenuhi sesuatu kehendak.

Di peringkat mengurus atau proses penilaian, penyelidik akan menyemak proses-proses yang terlibat semasa program itu sedang berjalan. Tujuan penilaian secara proses dibuat untuk mencapai matlamat dan objektif program. Maklum balas ini perlu diketahui dari masa ke semasa untuk mengawal pelaksanaan program. Penilaian ini bertindak sebagai melaksanakan keputusan yang difikirkan sesuai dan juga sebagai *monitoring* sesuatu program yang sedang berjalan.

Maklumat mengenai apa yang dicapai adalah mustahak semasa program itu berjalan dan begitu juga dengan rumusan sesuatu program. Objektif utama penilaian ini ialah untuk memastikan sejauh manakah sesuatu program itu dapat memenuhi kehendak sesuatu kumpulan (Azila et. al, 2012).

Dalam fasa penilaian hasil, tujuan utama penilaian ini ialah untuk mengaitkan matlamat, konteks, input dan proses dengan hasil program. Ia juga menilai setakat mana sesuatu perubahan dalam program itu berjaya. Mengikut Stufflebeam, tiap-tiap bahagian penilaian memerlukan tiga jenis aktiviti iaitu mengumpulkan sebanyak maklumat yang mungkin, mengorganisasikan maklumat yang dikumpulkan dan menganalisis maklumat dengan menggunakan kaedah pengukuran dan statistik. Aktiviti penilaian seterusnya ialah melaporkan maklumat yang telah dianalisis kepada pihak yang terlibat supaya keputusan dapat dibuat.

Mengikut beliau, terlalu banyak penilaian dibuat mengenai penilaian sesuatu program dan ia boleh dirancang tanpa menumpukan perhatian terhadap pengguna hasil penilaian itu, maklumat yang diperlukan, dan tujuan ia diselenggarakan. Kesannya, terlalu banyak laporan penilaian yang tidak berfaedah dihasilkan. Rajah 2.1 menunjukkan Model Penilaian Komprehensif.



Rajah 2.1: Model Penilaian Komprehensif (Model KIPP)

(Sumber: Azizi, 2001)

2.3 Institusi Yang Dikaji

2.3.1 Sejarah Pendidikan Teknik Dan Vokasional

Pendidikan teknik dan vokasional (PTV) telah bermula sejak zaman kolonialisme British lagi. Perkembangan PTV telah dibahagikan kepada beberapa peringkat iaitu:

- i. Sebelum Perang Dunia Kedua
- ii. Selepas Perang Dunia Kedua
- iii. Penubuhan Sekolah Teknik dan Vokasional dan Pertukangan
- iv. Penubuhan Politeknik di Tanah Melayu
- v. Penubuhan Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional
- vi. Penubuhan Maktab Perguruan Teknik

2.3.1.1 Sebelum Perang Dunia Kedua

Semasa British menjajah Tanah Melayu, British telah mengategorikan sistem pendidikan kepada lima peringkat iaitu Pendidikan Rendah, Pendidikan Menengah, Latihan Perguruan, Pendidikan Teknik dan Vokasional dan Pendidikan Tinggi

Pendidikan teknik dan vokasional turut diberi perhatian oleh kerajaan British pada ketika itu. Sejarah perkembangannya bermula pada tahun 1900. Orang-orang Melayu yang berkemahiran dalam seni menganyam, menyulam dan mengukir diambil untuk menjadi tenaga pengajar di sekolah-sekolah Melayu yang berdekatan dengan Kuala Lumpur.

Kemudian, pada tahun 1905 Sekolah Teknik Treacher Kuala Lumpur telah dibuka untuk memberi latihan kepada pembantu-pembantu teknik di Jabatan Kerja Raya, Jabatan Ukur dan Keretapi Tanah Melayu. Pada tahun 1918 pula, Suruhanjaya Pendidikan Teknik dan Industri telah dibentuk untuk mengkaji keperluan pelajaran vokasional dan teknik di Negeri-Negeri Tanah Melayu.

Pada tahun 1923, Pusat Latihan Pertanian telah ditubuhkan bagi memberi latihan kepada orang Melayu mengenai cara-cara berladang dan berkebun. Kemudian, pada tahun 1926, Sekolah Teknik telah ditubuhkan dan kemudiannya pada tahun 1941 statusnya telah ditukar ke Maktab Teknik dan dinaik taraf menjadi Universiti Teknologi Malaysia pada tahun 1972. Bagi memberi pendidikan yang lebih mendalam kepada Pegawai-pegawai pertanian, Sekolah Pertanian telah diwujudkan pada tahun 1931 di Serdang, Selangor dan kemudian dinaik taraf sebagai Kolej Pertanian sebelum diiktiraf sebagai Universiti Pertanian Malaysia pada tahun 1972 dan hari ini dikenali sebagai Universiti Putra Malaysia (Azila et. al, 2012).

2.3.1.2 Selepas Perang Dunia Kedua

Beberapa dasar telah diperkenalkan oleh British dalam pendidikan di Tanah Melayu selepas menghadapi Perang Dunia Kedua bagi memantapkan sistem pendidikan dan kepentingan politik mereka di Tanah Melayu.

British telah memperkenalkan Laporan Barnes pada tahun 1951 yang telah dipengerusikan oleh L.J. Barnes yang merupakan Pengarah Bahagian Latihan Sosial, Universiti Oxford telah menyatakan hasrat untuk mendirikan sekolah vokasional moden yang mengutamakan matapelajaran Sains, Seni Perusahaan dan Sains Rumah Tangga. Namun, rancangan beliau gagal kerana laporan beliau gagal untuk mencadangkan penambahbaikan kepada sekolah-sekolah Melayu tanpa merombak semula sistem pendidikan secara keseluruhan.

Menyedari bahawa masyarakat cina di Tanah Melayu juga ingin mejaga kepentingan mereka, maka satu laporan yang dikenali sebagai Laporan Fenn-Wu pada tahun 1952 telah diperkenalkan oleh Dr. Fenn yang merupakan Setiausaha Kerja Bersekutu kepada Lembaga Amanah bagi beberapa buah universiti di China dan beliau telah dibantu oleh Dr.Wu yang merupakan petugas di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB). Dalam laporan ini, sekolah cina ingin meminta bantuan pusat dan latihan perguruan untuk masyarakat cina.

Melihat kepada laporan-laporan yang telah dibentangkan, maka kerajaan British telah mengambil jalan tengah dengan memperkenalkan satu ordinan yang dikenali sebagai Ordinan Pelajaran 1952. Ordinan ini telah mengkaji kedua laporan dan mengambil keputusan untuk memperkenalkan sekolah kebangsaan, bahasa Melayu dan Inggeris diperkenalkan di sekolah-sekolah jenis kebangsaan, sekolah aliran Ingeris dikekalkan, pendidikan agama Islam dijalankan untuk murid-murid beragama Islam, dan penubuhan Sekolah Menengah Vokasional dicadangkan dan termaktub sebagai Polisi Pelajaran Kebangsaan (Azila et. al, 2012).

2.3.1.3 Penubuhan Sekolah Teknik dan Vokasional dan Pertukangan

Penubuhan sekolah teknik bermula pada tahun 1905. Sekolah teknik pertama ialah Sekolah Teknik Treacher yang dikelolakan oleh Jabatan Kerjaya Raya Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Tujuan penubuhan sekolah teknik ini adalah untuk melahirkan pembantu-pembantu juruteknik di Jabatan Kerja Raya, Jabatan Keretapi Tanah Melayu dan Jabatan Ukur.

Pada tahun 1914, telah berlaku perang dunia kedua menyebabkan semua jabatan-jabatan tersebut ditutup. Sekolah teknik juga turut ditutup. Pada tahun 1918, sekolah teknik telah dibuka semula dan telah diambil alih oleh Jabatan Pelajaran pada tahun 1931. Sekolah teknik ini telah menerima pelajar-pelajar dari agensi swasta pada tahun 1933. Antara kursus yang diperkenalkan ialah kejuruteraan awam, kejuruteraan mekanikal dan kejuruteraan ukur (Khairul Anwar & Anas Syafik, 2012).

Sekolah pertukangan atau Trade School bermula pada tahun 1926 dengan tertubuhnya 4 buah sekolah pertama di Kuala Lumpur. Guru terdiri daripada orang Eropah yang ditadbir oleh seorang pengetua dibawah kelolaan Jabatan Pelajaran. Bertujuan untuk melahirkan mekanik-mekanik terlatih untuk memenuhi keperluan di Jabatan Keretapi dan di sekolah-sekolah untuk mata pelajaran pertukangan. Murid akan mengikuti kursus selama 3 tahun. Latar belakang murid kebanyakannya merupakan pelajar yang gagal untuk meneruskan pelajaran ke sekolah menengah. Tiga mata pelajaran menjadi teras iaitu seni perusahaan, sains pertanian dan sains rumah tangga (Khairul Anwar & Anas Syafik, 2012).

2.3.1.4 Penubuhan Politeknik di Tanah Melayu

Pada tahun 1964, Bahagian Pendidikan Teknikal dan Vokasional (BPTV), Kementerian Pelajaran Malaysia telah ditubuhkan dan dipertanggungjawab untuk mempromosikan pendidikan teknikal dan vokasional. Bahagian ini seterusnya diberi status jabatan dan dinamakan Jabatan Pendidikan Teknikal (JPTek) pada tahun 1995. Selain merangka polisi, jabatan baru ini juga bertanggungjawab menentukan halatuju

pendidikan teknikal dan vokasional selaras dengan program pengindustrian dan modernisasi negara. Satu badan khusus telah ditubuhkan bertanggungjawab dalam mengurus politeknik iaitu Bahagian Pengurusan Politeknik.

Pendidikan Politeknik mula diperkenalkan di Malaysia melalui Pelan Colombo pada tahun 1969 dengan penubuhan politeknik pertama iaitu Politeknik Ungku Omar, Ipoh. Ini dikukuhkan lagi melalui satu resolusi yang telah dipersetujui oleh Jemaah Kabinet dalam Pelan Pelaksanaan Pendidikan pada tahun 1979 dan Pelan Industri Kebangsaan pada tahun 1985 – 1995. Keputusan Jawatankuasa Kabinet mengenai latihan pada tahun 1991 sekali lagi memberi ruang kepada penambahan bilangan politeknik dan penawaran kursus-kursus bagi memenuhi permintaan tenaga separa profesional dalam bidang kejuteraan, perdagangan dan hospitaliti.

Perubahan struktur kabinet kerajaan Malaysia pada tahun 2004 telah mengubah pengurusan politeknik daripada Kementerian Pelajaran Malaysia ke kementerian baru iaitu Kementerian Pengajian Tinggi dimana pengoperasian politeknik diletakkan di bawah Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) yang ditubuhkan pada Tahun 2005. Bermula 1 September 2007, Bahagian Pengurusan Politeknik dikenali sebagai Sektor Pengurusan Politeknik dan diketuai oleh Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan Politeknik), Tn Hj Mokhlis bin Jaafar (Khairul Anwar & Anas Syafik, 2012).

2.3.1.5 Penubuhan Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional

Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional (BPTV) ditubuhkan pada tahun 1964. Pada awalnya, penubuhan bahagian ini berfungsi untuk memastikan kesinambungan polisi pendidikan dan perkembangan Pendidikan teknik dan vokasional di Malaysia.

Antara bidang operasi yang terdapat di BPTV pada ketika itu ialah menyediakan perkhidmatan dalam penyelidikan, perancangan, pelaksanaan, pengkoordinasian, pengawasan dan pemantauan perkembangan pendidikan teknik dan vokasional sebagai agensi pusat untuk Sekolah Menengah Teknik dan Vokasional. Dalam usaha menyelaraskan setiap bidang operasi yang ada di BPTV maka tujuh buah unit diwujudkan. Pada tahun 1986, unit di dalam BPTV telah

RUJUKAN

- Abu et al (2007). *Kepelbagaian Gaya Pembelajaran dan Kemahiran Belajar Pelajar Universiti di Fakulti Pendidikan*. UTM
- Abdul Ghafar dan M.N(2003). *Reka bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan*. Universiti Teknologi Malaysia
- Abdul Hakim Mustor (2006). *Pendidikan Selepas SPM*. Edisi Kedua. Malaysia: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Abdul Rahim et. Al(2006) Tahap Minat, Pengetahuan Dan Kemahiran, Latihan Guru Dan Beban Tugas Guru Program Pemulihan Khas Sekolah Kebangsaan Daerah Pontian, Johor Dicapai pada Mei 21, 2013 dari : <http://eprints.utm.my/2231/>
- Ahmad Johari dan Jawi (2011). Amalan Kemahiran Generik Oleh Guru Pelatih Aliran Teknik Dan Vokasional, Fakulti Pendidikan, UTM Semasa Menjalani Latihan Mengajar. *Journal of Social Science*, (3), 52-82.
- Ahmad Sipon (2001). Hala tuju dan Cabaran Pendidikan Vokasional di Sekolah Menengah Akademik. *Seminar Kebangsaan Pendidikan Asas Vokasional*. Kuala Lumpur:, Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Ahmad Tajudin (2012, Januari 4). Projek Rintis Program Asas Vokasional. *Berita Harian*
- Aminudin Mansor (2012, April 24). Minda: Pendidikan Sejarah Pengukuh Patriotisme. Dicapai pada November 6, 2012 dari <http://www.hmetro.com.my/>
- Asnul Dahar et.al (2012) Pembinaan Indikator Kelestarian Pendidikan Teknikal Dan Vokasional Sekolah Menengah Harian Melalui Kajian Delphi. Dicapai pada November 5, 2012 dari http://www.medc.com.my/medc/seminar_medc/fromCD/pdf/89.pdf

- Azila, Rohana dan Amirmudin (2011). Halatuju Pendidikan Teknik dan Vokasional ke arah Memartabatkan Falsafah Pendidikan Negara. Dicapai pada Oktober 8, 2012 dari Universiti Teknologi Malaysia: http://eprints.utm.my/14935/1/Hala_Tuju_Pendidikan_Teknik_dan_Vokasional_ke_arah_Memartabatkan_Falsafah_Pendidikan_Negara.pdf
- Azizi Yahya (2001) *Penggunaan Model Kontek. Input, Proses dan Produk (KIPP) dalam Penilaian Program Pembelajaran. Sejauh Manakah ia Relevan? International Conference on Challenges and Prospects in Teacher Education*, Concorde Hotel Shah Alam
- Azizi Y. et al. (2007). "Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan." Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd
- Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional (2012). *Transformasi Pendidikan Vokasional*. Dicapai pada Oktober 24, 2012 dari: <http://www.bptv.edu.my/v3/index.php/transformasi-pondidikan-vokasional>
- BERNAMA (September 11, 2011), Program Asas Vokasional di 15 Sekolah Harian Terpilih Mulai 2013. *mStar Online*. Dicapai pada November 3, 2012 dari: http://mstar.com.my/cerita.asp?sec=mstar_berita&file=/2011/9/11/mstar_berita/20110911165354
- Chua, Y. P. (2006). *Research Methods*. Shah Alam: McGraw-Hill Education
- Dewan Rakyat, (November 2011). Jawapan-Jawapan Lisan bagi Pertanyaan. Dicapai pada November 6, 2012 dari: <http://www.parlimen.gov.my/files/hindex/pdf/DR-23112011.pdf>
- IPG, (2011) *Modul Reka Bentuk dan Teknologi*. Institut Pendidikan Guru. Kementerian Pelajaran Malaysia
- Jabatan Pembangunan Kemahiran (2012). *NOSS*. Dicapai pada Oktober 25, 2012 dari Kementerian Sumber Manusia: http://www.dsd.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=60&Itemid=95&lang=bm
- Kandar Selamat, Yahya dan M. Rashid (2010). Mata Pelajaran Vokasional (MPV) di Sekolah Menengah Harian: Penyediaan Guru MPV, Isu dan Cabaran. Dicapai pada November 3, 2012 dari Universiti Teknologi Malaysia: [http://eprints.utm.my/2282/1/kertas_kerja_3_\(MPV\).pdf](http://eprints.utm.my/2282/1/kertas_kerja_3_(MPV).pdf)
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (2005). *Laporan Jawatankuasa Mengkaji, Menyemak Dan Membuat Perakuan Tentang Perkembangan Dan Hala Tuju*

Pendidikan Tinggi Malaysia, KPTM: Langkah-Langkah Ke Arah Kecemerlangan. Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia

Kementerian Pelajaran Malaysia (2011). *Kurikulum Standard Sekolah Menengah, Pendidikan Asas Vokasional Pra Vokasional Tingkatan Satu.* Dicapai pada November 7,2012, dari: <http://www.slideshare.net/onenita/transformasi-kurikulum-sekolah-menengah-kssm-10557821>

Kementerian Pelajaran Malaysia (2012).*Rasional Kolej Vokasional.*Dicapai pada November 5,2012 dari: [http://www.smtdlm.com/portal/attachments/article/53/a\)%20%20RASIONAL%20KV.pdf](http://www.smtdlm.com/portal/attachments/article/53/a)%20%20RASIONAL%20KV.pdf)

Khairul Anwar dan Anas Syafik,(2009) Sejarah Perkembangan Pendidikan Teknik dan Vokasional Di Malaysia.Dicapai pada November 15,2012, dari IPG Kuala Lumpur: <http://faqihufiddin.blogspot.com/2009/02/sejarah-perkembangan-pendidikan-teknik.html>

Konting, M. M. (2005). “Kaedah Penyelidikan Pendidikan”. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Kramlee Mustapha, Ruhizan dan Hamdan Mohd Ali (2003). Integrasi Akademik dan Vokasional: Rasional dan Cabaran. *Jurnal Pendidikan.* (28). 77-90.

Ku Seman (2006, Disember 24). Kurang Fikir Terhadap Kurang Upaya. *Utusan Malaysia.* Dicapai pada Oktober 4, 2012, dari <http://utusan.com.my>

Lembaga Peperiksaan, Kementerian Pelajaran Malaysia (2012) Panduan Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) dicapai pada mei 20, 2013 dari http://www.moe.gov.my/lp/index.php?option=com_content&view=article&id=471:panduan-Pengurusa

Lis Christopher,Rohana dan Amirmuddin (2011).Transformasi Pendidikan Teknik dan Vokasional:Membentuk Pemimpin Masa Depan.Dicapai pada November 2,2012,dari Universiti Teknologi Malaysia; http://eprints.utm.my/14916/1/Transformasi_Pendidikan_Teknik_dan_Vokasional_-eprint1.pdf

Mastura Bazdis (2008). Pendidikan Anak-anak di Peringkat Awal Umur Berasaskan Binaan Kurikulum yang Integratif. *Jurnal Pusat Penyelidikan Perkembangan Kanak-kanak Negara (NCDRC).* Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Mohd Adha (2012, Januari 5). Projek Rintis Program Asas Vokasional. *Berita Harian* Dicapai pada Oktober 4,2012,dari:

<http://perkhidmatanpelajaran.blogspot.com/2012/01/projek-rintis-program-asas-vokasional.html>

Mohd Najib Abdul Ghafar (1999). Penyelidikan Pendidikan. *Jurnal Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia*.(8).pp 71-92

Mohd Zulfadlt et al (2010) Rekabentuk Universal Kurikulum Pendidikan Teknik dan Vokasional dicapai pada Mei 20,2013 dari: http://eprints.utm.my/14949/1/eprint9Rekabentuk_Universal_Kurikulum_Pendidikan_Teknik_dan_Vokasional.pdf

Nachmias. Frankfort dan Nachmias David (2000). *Research Methods in the Social Science*. New York

Nor Kamaliana dan Abu Bakar (2011) Tahap Prestasi Pelajar Dalam Projek Berkumpulan Melalui Kaedah Penilaian Rakan Sebaya Dan Penilaian Pensyarah: Satu Kajian *Seminar Pendidikan Kejuruteraan Kongres Pengajaran dan Pembelajaran & Alam Bina (PeKA'11)*,UKM, pp 125-131

Noor Azlina (2012;Januari 13). 386 Perintis Program Asas Vokasional. *Berita harian*. Dicapai pada September 5,2012 dari: <http://www.bharian.com.my/bharian/articles/386perintisProgramAsasVokasional/Article>

Nur Iwani dan Mohd Hisyam(2012). Kurikulum Kursus Pembuatan Perabot Pendidikan Asas Vokasional di Sekolah Menengah Akademik Harian: Transformasi Pendidikan Vokasional Negara. *Prosiding Seminar Pendidikan Pasca ijazah dalam PTV*. UTHM. .pp 149-165.

Nurul Nadya et.al (2011).Peningkatan dan Pembentukan Semula Kurikulum Teknik Dan Vokasional di Malaysia Untuk Mencapai Self-Actualization. Dicapai pada November 1,2012, dari Universiti Teknologi Malaysia: http://eprints.utm.my/14952/1/eprint12Peningkatan_Dan_Pembentukan_Semula_Kurikulum_Teknik_Dan_Vokasional_Di_Malaysia_Untuk_Mencapai_Self.pdf

Nurul Nadya,Rohana dan Amirmudin (2011). Cabaran-Cabaran Dalam Pendidikan Teknik dan Vokasional Dalam Membangunkan Sumber Manusia. *Journal of Edupres(1)*.159-164.

Rosni Zamuddin Shah dan Siti Fatimah (2011) Kesiediaan Guru Sekolah Menengah Di Daerah Kota Baharu Dalam Melaksanakan Sistem Penilaian Prestasi Pelajar Berasaskan Sekolah. Dicapai pada Mei 20,2013 dari:

http://eprints.utm.my/10502/1/Kesediaan_Guru_Sekolah_Menengah_Di_Daerah_Kota_Baharu.pdf

- Turker, D. & Selcuk, S. S. (2009). Which Factors Affect Entrepreneurial Intention of University Students?. *Journal of European Industrial Training*. 33(2), 142-159.
- Valerie Saysset (2005). *A Look At Vocational Training: A Survey of Secondary Cycle Two Students*. Education, Loisir et Sport, Quebec
- Wan Zulkhairi, Rohana dan Amirmudin (2011).Kritikan dan Perbandingan Falsafah Di Dalam Pendidikan Teknik Dan Vokasional (PTV). *Journal of Edupres(1)*. pp 287-300
- Yahya Buntat, M.Sukri dan Hairul Anuar(2008).Cabaran Politeknik Sultan Ahmad Shah (Polisas) Membangunkan Modal Insan Seajar Dengan Keperluan Sektor Industri.Dicapai pada Oktober 10,2012, dari Universiti Teknologi Malaysia.:http://eprints.utm.my/6070/1/YahyaBuntat2008_CabaranPoliteknikSultanAhmadShah.pdf
- Yahya Emat (2005). *Pendidikan Teknik dan Vokasional di Malaysia*. Selangor: IBS Buku Sdn. Bhd.
- Zainudin dan Fazilah(2011) Hubungan Antara Minat Pelajar dan Sikap Ibu Bapa Dengan Prestasi Matematik Terbaik Pelajar. *Journal of Educational Psychology and Counseling(1)*.pp 25-43